

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 SEPTEMBER 2016

# KL, Bangkok kaji laksana Kereta Api Berkelajuan Tinggi

BH - 10/9/2016

→ Projek mampu tingkat peluang ekonomi baharu

**M Hifzuddin  
Ikhsan**

hifzuddin@bh.com.my

► Bangkok



**M**alaysia dan Thailand bersetuju membuat kajian kemungkinan menghubungkan Kuala Lumpur-Bangkok melalui Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, sebagai rakan dagang kedua ter

besar Malaysia di ASEAN, persetujuan Perdana Menteri Thailand, Prayut Chanocha mengenainya adalah dialu-alukan kerana mampu meningkatkan peluang ekonomi baharu kepada rakyat kedua-dua negara.

Beliau berkata, apabila direalisasikan, suatu sistem jaringan hubungan darat bermula dari Singapura hingga ke Bangkok, merentasi Malaysia dapat dibina pada masa hadapan.

## Mengalukan persetujuan Thailand

“Malaysia kini dalam proses merancang membina HSR menghubungkan Kuala Lumpur-Singapura dan kita mengalukan persetujuan Thailand menyertai projek HSR bagi menghubungkan Kuala Lumpur-Bangkok pula.

“Melalui projek itu, kita menjangkakan banyak peluang eko-

nomi baharu yang mampu memberi manfaat kepada penduduk dan komuniti perniagaan kedua-dua negara,” katanya pada sidang media di Rumah Kerajaan di sini, semalam.

Terdahulu, Najib dan Prayuth menghadiri Mesyuarat Rundingan Tahunan Malaysia-Thailand Keenam yang turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Selain itu, Najib berkata, bagi mempertingkatkan hubungan darat, kedua-dua negara juga bersetuju mempercepatkan

pembinaan jambatan kedua Rantau Panjang-Golok dan jambatan Pengkalan Kubur-Tak Bai bermula tahun depan.

“Kedua-dua jambatan itu yang sepatutnya dibina pada 2018 akan dipercepatkan dan kita sedang mengkaji bagaimana kosnya dapat dikongsi kedua-dua negara demi manfaat bersama.

“Kita juga bersetuju mempercepatkan kerja naik taraf Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Sadao-Bukit Kayu Hitam berikutan 70 peratus aktiviti perdagangan kedua-dua negara melaluinya,” kata Perdana Menteri.

Mengulas persetujuan bersama bagi membangunkan Bandar Getah di Kota Putra, Kedah dan Songkhla, beliau menegaskan projek itu dapat membantu penduduk yang terbabit dalam komoditi itu untuk meningkatkan taraf hidup mereka.